

16 OCT 2001

Huhtala-tuduhan

DUTA TOLAK DAKWAAN M'SIA BANGKITKAN PERASAAN ANTI-AMERIKA

CYBERJAYA, 16 Okt (Bernama) -- Duta Amerika Syarikat yang baru di sini, Marie T.Huhtala menolak andaian kononnya kerajaan Malaysia mengapi-apikan perasaan anti-Amerika.

"Saya berada di sini selama 18 hari dan telah mendapat kerjasama yang baik daripada kerajaan Malaysia," katanya kepada pemberita.

Sebelum itu, beliau dan anggota-anggota Dewan Perniagaan Amerika-Malaysia menghadiri jamuan tengah hari bersama Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, anjuran Tenaga Nasional Berhad di Cyberview Lodge di sini.

Huhtala berkata jamuan itu merupakan kesempatan yang baik bagi ahli-ahli perniagaan Amerika untuk bersama-sama Perdana Menteri.

Katanya ahli-ahli perniagaan Amerika itu telah mengadakan dialog yang amat berguna dengan Dr Mahathir dan telah melahirkan rasa puas hati dengan keadaan di Malaysia.

Huhtala juga memuji Polis Diraja Malaysia kerana menyediakan kawalan keselamatan yang baik di sekitar kedutaan Amerika di sini selepas kejadian serangan pengganas di New York dan Washington pada 11 Sept lepas dan tindakan Amerika menyerang Afghanistan.

"Bermula pada malam 11 Sept, kami telah mendapat kawalan keselamatan yang lebih ketat daripada kerajaan Malaysia. Kami menghargainya dan berharap ia diteruskan," katanya.

Huhtala berkata bahawa dengan perlindungan yang baik itu, kedutaan Amerika tidak perlu bimbang berlaku lagi bantahan di hadapan kedutaan itu di Jalan Tun Razak seperti yang terjadi Jumaat lepas.

Katanya beliau tidak marah dengan kejadian itu kerana ia menunjukkan bahawa amalan meluahkan perasaan secara bebas seperti itu masih hidup di negara ini.

"Selagi kami dapat perlindungan daripada polis Malaysia, kami sedia menghadapinya (tunjuk perasaan)," katanya.

-- BERNAMA

AKT ZS RM MAI